

01/08/1998

18 anugerah khas untuk hadiah media

SEBANYAK lapan belas Anugerah Riben Merah Media dijangka akan disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada pertubuhan media cetak dan elektronik di Malaysia yang banyak menulis maklumat mengenai HIV/Aids.

Anugerah yang mengiktiraf penulis dan kreativiti wartawan itu adalah yang pertama diperkenalkan di Malaysia.

Anugerah khas yang dinamakan sempena nama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan diberikan kepada individu atau kumpulan yang membantu mengurangkan kesan negatif HIV/Aids di negara ini.

Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, dalam kenyataan akhbarnya berkata Anugerah Riben Merah Media itu sebagai satu cara mengucapkan penghargaan kepada media yang banyak memberikan pendidikan mengenai HIV/Aids kepada masyarakat.

Katanya, pihaknya berharap pengiktirafan itu dapat menggalakkan masyarakat dan golongan korporat terus membantu pertubuhan itu.

"Apabila kali pertama kami mewujudkan anugerah ini pada 1996, hanya tujuh kategori dipertandingkan."

"Melihat kepada sambutan yang begitu hangat diberikan oleh pihak media, jumlah kategori ditambah menjadikannya 18," katanya.

Bagi media cetak, kategori yang akan dipertandingkan ialah Rencana (bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil, ruangan Khas (bahasa Malaysia, Inggeris, Cina, Tamil)).

Media elektronik pula ialah radio (bahasa Malaysia, Inggeris, Cina, Tamil) manakala televisyen (bahasa Malaysia dan Inggeris).

Pengiklanan pula dua kategori dipertandingkan iaitu pendidikan dan kutipan derma.

Sementara seni pula ialah persembahan dan visual.

Pemenang bagi setiap kategori akan menerima pewter yang dicipta khusus oleh Royal Selangor, wang tunai RM2,500 dari Yayasan Aids Malaysia. Royal Selangor turut menaja Anugerah Dr Siti Hasmah.

"Kami ingin menggalakkan masyarakat Malaysia untuk menghantar apa juga bentuk hasil kerja yang berkaitan dengan HIV/Aids yang pernah disiarkan sama ada dalam bentuk penulisan, penyiaran, persembahan mahupun penerbitan pada 1 Mei 1996 hingga 31 April 1998."

"Orang awam juga digalakkan menghantar pencalonan untuk Anugerah Dr Siti Hasmah," katanya.

Semua penyertaan media akan diadili oleh panel juri yang mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan.

Tarikh akhir penyertaan ialah pada 30 September 1998. Majlis anugerah itu akan diadakan pada 1 Disember 1998 bersempena Hari Aids Sedunia.

(END)